



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

# RANGKA TINDAKAN *(BLUEPRINT)* PERPADUAN NEGARA 2021-2030

# RANGKASAN EKSEKUTIF

## SASARAN

Muka surat	Tajuk
/	<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>
	<b>1. PENGENALAN</b>
2	Objektif Rangka Tindakan ( <i>Blueprint</i> ) Perpaduan Negara 2021-2030
3	Konsep Perpaduan
4	Evolusi Institusi Perpaduan Negara
	<b>2. ASPIRASI RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021-2030</b>
	<b>Membina Rakyat Yang Patriotik dan Demokratik</b>
8	<b>Strategi 1:</b> Meningkatkan Literasi, Pemahaman dan Penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara
14	<b>Strategi 2:</b> Meningkatkan Pemahaman dan Penghayatan Sejarah Malaysia
17	<b>Strategi 3:</b> Memperkuat Integrasi Nasional
	<b>Membentuk Identiti Nasional</b>
20	<b>Strategi 4:</b> Mengukuhkan Peranan Bahasa Sebagai Medium Integrasi
23	<b>Strategi 5:</b> Mengukuhkan Kefahaman Agama, Budaya dan Adat Resam Pelbagai Etnik
26	<b>Strategi 6:</b> Membentuk Masyarakat Berkeperibadian Tinggi, Berintegriti dan Berakhhlak Mulia
	<b>Memperkuuh Ekosistem Perpaduan</b>
32	<b>Strategi 7:</b> Memantapkan Keberkesanan Komunikasi
37	<b>Strategi 8:</b> Mengukuhkan Tapak Integrasi Perpaduan
42	<b>Strategi 9:</b> Memperkasa Jentera Perpaduan Melalui Kerjasama Strategik
46	<b>Strategi 10:</b> Memantapkan Peranan Institusi Keluarga dan Komuniti
49	<b>Strategi 11:</b> Meningkatkan Penguatkuasaan Undang-Undang Serta Keberkesanan Mekanisme Pemantauan
52	<b>Strategi 12:</b> Memperkuuh Peranan Pemimpin Sebagai Pemangkin Perpaduan
56	<b>3. FASA ANJAKAN STRATEGIK KE ARAH PERPADUAN NASIONAL</b>
58	<b>4. SASARAN OUTCOME DAN IMPAK NASIONAL</b>
59	<b>5. PENUTUP</b>

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik untuk mencapai objektif Dasar Perpaduan Negara. Rangka tindakan ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai. Ia menjadi rujukan dalam penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) bagi tempoh 5 tahun mendatang.

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 menggariskan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategik, serta menetapkan sasaran yang hendak dicapai dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara yang kita cintai ini.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah melaksanakan beberapa siri konsultasi dan maklum balas rakyat secara berperingkat di seluruh negara dalam usaha menghasilkan dokumen dasar, rangka tindakan dan pelan tindakan perpaduan yang menyeluruh dan terangkum. Sesi ini melibatkan pelbagai kumpulan sasar dan pemegang taruh termasuk kementerian/agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan rakyat di peringkat akar umbi. Sebanyak 55,583 maklum balas bertulis turut diterima menerusi sesi kajian tinjauan yang dilaksanakan melalui kaedah bersemuka dan secara atas talian menggunakan kaedah aplikasi *Whatsapp*, Laman Web KPN dan emel. Maklum balas yang diterima ini dianalisis serta dijadikan input dalam penghasilan Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025. Setiap strategi yang disusun adalah untuk menjawab kepada persoalan dan isu-isu perpaduan berdasarkan saranan, dapatan kajian dan perbincangan pakar-pakar perpaduan.

# PENGENALAN



# 1 PENGENALAN

Tiga (3) Objektif Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030



1

Memahami konsep perpaduan dalam konteks Malaysia



2

Mewujudkan visi dan aspirasi perpaduan yang jelas untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang



3

Menggariskan anjakan strategik dan inisiatif bersasar yang komprehensif bagi merealisasikan aspirasi perpaduan yang dihasratkan

# KONSEP PERPADUAN


Kesepaduan sosial atau *social cohesion* menggambarkan hubungan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang etnik telah hidup aman damai, stabil dan harmoni. Ini kerana wujudnya kesepakatan sosial, atau *social bonding* yang kuat sudah terbina sekian lama. Keadaan inilah menurut kajian yang dibuat oleh KITA-UKM, dirujuk sebagai **kesepaduan sosial**. Kesepaduan sosial menjadi prasyarat dalam merintis jalan puncak ke matlamat akhir iaitu perpaduan dan integrasi nasional.

Secara definisinya, perpaduan ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa, satu bahasa dan satu negara. Konsep perpaduan yang ditekankan adalah "**Perpaduan dalam Kepelbagai**an" (*unity in diversity*).

Berdasarkan sejarah, rakyat Malaysia telah menerima fakta bahawa kita memiliki masyarakat yang majmuk dan pelbagai. Oleh kerana terdapat perbezaan dan kepelbagai ini, maka usaha ke arah mewujudkan perpaduan di Malaysia perlu dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi berterusan.

# EVOLUSI INSTITUSI PERPADUAN NEGARA

Usaha serta komitmen kerajaan dalam menangani isu perpaduan bermula dengan Peristiwa 13 Mei 1969 yang mencetuskan keresahan rakyat. Sejak itu kerajaan secara berterusan mencari formula yang menyumbang kesepaduan sosial, membentuk kestabilan politik dan sekali gus memupuk hubungan etnik yang harmoni dan bersatu padu. Usaha kerajaan ini dapat dilihat melalui penubuhan pelbagai institusi bagi menguruskan hal ehwal perpaduan. Pada 10 Mac 2020, kerajaan telah menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara bagi menggalas tanggungjawab untuk mengerakkan agenda perpaduan negara dengan lebih bersepadu dan tersusun.




# **ASPIRASI RANGKA TINDAKAN *(BLUEPRINT)* PERPADUAN NEGARA 2021-2030**

## ASPIRASI RANGKA TINDAKAN (*BLUEPRINT*) PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dihasilkan dengan matlamat untuk memacu pelaksanaan strategi dan mencapai objektif Dasar Perpaduan Negara seperti yang berikut:

-  Mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara
-  Membentuk identiti nasional dengan semangat kekitaan, prihatin, inklusif, saling menghormati dan bertanggungjawab
-  Melahirkan rakyat Malaysia yang membudayakan perpaduan

Seiring dengan usaha ke arah mencapai objektif tersebut, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021- 2030 telah menetapkan tiga (3) aspirasi perpaduan iaitu:



# Strategi Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021- 2030

<p><b>ASPIRASI 1</b> MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK</p> <p><b>STRATEGI 1:</b> Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara</p> <p><b>5 Anjakan Strategik</b></p>	<p><b>ASPIRASI 2</b> MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL</p> <p><b>STRATEGI 4:</b> Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi</p> <p><b>3 Anjakan Strategik</b></p>	<p><b>ASPIRASI 3</b> MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM PERPADUAN</p> <p><b>STRATEGI 7:</b> Memantapkan keberkesaan komunikasi</p> <p><b>4 Anjakan Strategik</b></p>
<p><b>STRATEGI 2:</b> Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah Malaysia</p> <p><b>2 Anjakan Strategik</b></p>	<p><b>STRATEGI 5:</b> Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik</p> <p><b>3 Anjakan Strategik</b></p>	<p><b>STRATEGI 8:</b> Mengukuhkan tapak integrasi perpaduan</p> <p><b>5 Anjakan Strategik</b></p>
<p><b>STRATEGI 3:</b> Memperkuuh integrasi nasional</p> <p><b>3 Anjakan Strategik</b></p>	<p><b>STRATEGI 6:</b> Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhhlak mulia</p> <p><b>5 Anjakan Strategik</b></p>	<p><b>STRATEGI 9:</b> Memperkasa jentera perpaduan melalui kerjasama strategik</p> <p><b>3 Anjakan Strategik</b></p> <p><b>STRATEGI 10:</b> Memantapkan peranan institusi keluarga dan komuniti</p> <p><b>3 Anjakan Strategik</b></p> <p><b>STRATEGI 11:</b> Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang serta keberkesaan mekanisme pemantauan</p> <p><b>3 Anjakan Strategik</b></p> <p><b>STRATEGI 12:</b> Memperkuuh peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan</p> <p><b>2 Anjakan Strategik</b></p>

# ASPIRASI

## MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK

# 1



### Meningkatkan Literasi, Pemahaman dan Penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

- Malaysia mengamalkan **Sistem Demokrasi Berparlimen** dan **Sistem Raja Berperlembagaan** dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan Perdana Menteri selaku Ketua Kerajaan. Malaysia juga mengamalkan Sistem Persekutuan di mana wujudnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Manakala **Perlembagaan Persekutuan** adalah **undang-undang tertinggi** negara. Sistem inilah yang sekian lama menjamin kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara serta membentuk masyarakat Malaysia yang patriotik dan bersatu padu.
- Rukun Negara merupakan suatu ideologi untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik dengan tujuan utamanya untuk membentuk perpaduan yang mantap Berlandaskan cita-cita dan aspirasi yang terkandung dalam Rukun Negara, rakyat Malaysia terus berusaha mengekalkan keharmonian dan perpaduan demi kejayaan dan kestabilan negara.

**Anjakan Strategik 1:** Menyemai nilai perpaduan dalam pendidikan awal kanak-kanak

**Anjakan Strategik 2:** Memperkasa pendidikan Rukun Negara

**Anjakan Strategik 3:** Mempergiat program patriotisme, kenegaraan dan nilai murni

**Anjakan Strategik 4:** Memperkasa modul kenegaraan dalam pendidikan formal dan pendidikan sepanjang hayat

**Anjakan Strategik 5:** Membina kepakaran dalam bidang perpaduan

# STRATEGI 1: MENINGKATKAN LITERASI, PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

## Anjakan Strategik 1:

Menyemai nilai perpaduan dalam pendidikan awal kanak-kanak

- Aktiviti Modul Rukun Negara diperkenalkan dalam program pembelajaran dan pengajaran di tabika dan taska dalam usaha menyemai benih-benih perpaduan di peringkat awal persekolahan agar sentiasa dijawai dan dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.
- Nilai-nilai perpaduan dan amalan hidup bermasyarakat disemai melalui program pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun. Program seumpama ini wajar diseragamkan dan diserap dalam semua prasekolah, tabika dan taska di bawah seliaan agensi kerajaan dan swasta.

- ❖ Program *Take 5* dilaksanakan di 1,781 buah Tabika Perpaduan (TP) dan 41 Taska Genius Perpaduan (TGP) di bawah KPN seluruh negara yang mengandungi segmen kebersihan diri dan segmen pendidikan serta penghayatan Rukun Negara setiap hari. Program ini memberi pendedahan dan penerapan nilai-nilai murni yang positif dengan kaedah yang kreatif dan interaktif untuk dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.

# STRATEGI 1: MENINGKATKAN LITERASI, PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

## Anjakan Strategik 2: Memperkasa Pendidikan Rukun Negara

- Pemerksaan Pendidikan Rukun Negara dilaksanakan bagi memastikan masyarakat memahami dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari.
- Elemen penghayatan Rukun Negara perlu dimantapkan dalam semua peringkat pendidikan negara, bermula di peringkat prasekolah sehingga peringkat pengajian tinggi.
- Memperkuuh jalinan kerjasama strategik dengan NGO yang memainkan peranan aktif dalam mempromosikan perpaduan dalam kalangan pelajar.
  - ❖ Sisipan pengajaran elemen Rukun Negara dalam mata pelajaran sejarah yang bercorak lebih interaktif antaranya menerusi tayangan video pendek adat resam dan budaya masyarakat Malaysia serta kaedah pembelajaran berbentuk permainan seperti kuiz yang dijadikan sebagai markah sokongan/penilaian berterusan bagi ujian mata pelajaran sejarah.
  - ❖ Pelaksanaan merit tambahan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat dalam program-program kenegaraan mengikut pertimbangan dan kelulusan di peringkat IPT masing-masing.
  - ❖ Inisiatif Penerapan Rukun Negara dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti interaktif yang dilaksanakan dengan penyertaan pelbagai kaum dalam menghargai nilai kebersamaan yang dimiliki.

# STRATEGI 1: MENINGKATKAN LITERASI, PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

**Anjakan Strategik 3:** Mempergiat program patriotisme, kenegaraan dan nilai murni

- Program berbentuk patriotisme perlu diperluaskan bukan sahaja kepada pelajar, tetapi juga kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk penjawat awam, pemimpin masyarakat, sektor swasta, NGO dan golongan belia.
- Meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat serta membina identiti nasional berteraskan nilai-nilai murni di samping memberi kefahaman tentang prinsip-prinsip kenegaraan dan struktur asas yang membentuk Malaysia.
- Nilai murni dalam masyarakat perlu diamalkan oleh setiap individu bagi mewujudkan suasana yang harmoni. Antara nilai-nilai murni yang perlu diamalkan ialah baik hati, berdikari, hormat-menghormati, kasih sayang, bekerjasama dan semangat kemasyarakatan serta semangat kesukarelawanan.

- ❖ Modul dan program yang berfokuskan kepada elemen kenegaraan dan patriotisme yang pernah dilaksanakan sebelum ini wajar diteruskan dan ditambah baik dengan memastikan pengisian program bersifat neutral dan bebas daripada unsur-unsur politik.
- ❖ Usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni dilaksanakan menerusi pelbagai pendekatan termasuklah pengenalan kurikulum baharu yang berdasarkan penilaian berterusan, penilaian berdasarkan sekolah, kurikulum bersepadu, iklan dan kampen.

## STRATEGI 1: MENINGKATKAN LITERASI, PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

**Anjakan Strategik 4:** Memperkasa modul kenegaraan dalam pendidikan formal dan pendidikan sepanjang hayat

- Pendidikan formal berbentuk pendidikan kewarganegaraan, pendidikan sistem demokrasi dan pendidikan politik matang yang menekankan pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara. Pendekatan ini disesuaikan mengikut tahap pembelajaran di peringkat sekolah, IPT dan pendidikan sepanjang hayat.
- Usaha menerapkan pendidikan kenegaraan dengan menggunakan konsep pendidikan sepanjang hayat dan kaedah pembelajaran tidak formal perlu dilaksanakan melalui interaksi yang berlaku dalam masyarakat secara berterusan. Inisiatif ini dilaksanakan menerusi pengembangan program-program yang lebih memenuhi keperluan dan minat golongan sasar.

- ❖ Pendidikan alternatif melalui platform majlis ilmu, latihan kemahiran dan pembinaan keperibadian ke arah pembudayaan dan peningkatan nilai-nilai murni.
- ❖ Kursus wajib dalam Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) iaitu Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Kursus ini memfokuskan penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia.

## STRATEGI 1: MENINGKATKAN LITERASI, PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

### Anjakan Strategik 5: Membina kepakaran dalam bidang perpaduan

- Membangunkan lebih ramai modal insan yang berkeupayaan menangani isu-isu perpaduan dengan efektif serta berkeupayaan mengesan anasir-anasir yang mampu menggugat perpaduan dan keharmonian negara di peringkat akar umbi. Kemahiran dan keupayaan Pegawai Perpaduan perlu dipertingkatkan dan dimantapkan untuk menggerakkan agenda perpaduan dengan lebih efektif dan berkesan.
- Peranan golongan pendidik perlu diiktiraf sebagai agen perpaduan yang penting di mana penglibatan mereka dalam membina rakyat yang harmoni dan menghargai perpaduan sangat signifikan. Oleh itu, penting bagi mananam kefahaman dan mengasah kemahiran golongan pendidik dalam memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan.

- ❖ Penghasilan penulisan dan artikel perpaduan oleh pakar-pakar akademik sebagai pendedahan dan perkongsian ilmu dalam bidang hubungan sosial.

# ASPIRASI

# 1

## MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK



### Meningkatkan Pemahaman dan Penghayatan Sejarah Malaysia

Pendekatan sejarah bertujuan memahami konteks penubuhan Malaysia dan menghayati struktur asas yang membentuk Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.



#### Anjakan Strategik 1:

Meningkatkan kecelikan demokrasi yang berdasarkan kefahaman sejarah Malaysia



#### Anjakan Strategik 2:

Mempergiat peranan media dalam perkongsian sejarah dan perjuangan kemerdekaan negara

## STRATEGI 2: MENINGKATKAN PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN SEJARAH MALAYSIA



### Anjakan Strategik 1:

Meningkatkan kecelikan demokrasi yang berasaskan kefahaman sejarah Malaysia

- Pendedahan dan kecelikan leluhur sejarah negara meliputi pemahaman sistem kesultanan sebelum merdeka, sejarah pembentukan Malaysia, Perjanjian Malaysia 1963 dan sistem demokrasi selepas merdeka adalah penting dalam pembangunan bangsa Malaysia.
- Sukatan pelajaran perlu seiring dengan keperluan semasa dan mengandungi fakta yang tepat. Manakala di peringkat IPT, MPU dilaksanakan untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah.
- Mewujudkan masyarakat demokratik yang mana seluruh anggotanya menyedari hak dan kewajipan dalam menyuarakan pandangan dan menghormati perbezaan pendapat.

- ❖ Tokoh atau pemimpin ditonjolkan mengikut peristiwa yang berlaku dan sumbangan serta pengorbanan mereka yang dipelajari boleh menanam dan memupuk semangat patriotik.

## STRATEGI 2: MENINGKATKAN PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN SEJARAH MALAYSIA



### Anjakan Strategik 2:

Mempergiat peranan media dalam perkongsian sejarah dan perjuangan kemerdekaan negara.

- Memperbanyak dan menggalakkan penghasilan karya kreatif dan bahan hiburan umum seperti filem, animasi dan dokumentari yang bertemakan sejarah dan perpaduan masyarakat.
- Menggunakan sepenuhnya peranan media, sama ada media cetak mahupun elektronik sebagai medium utama dengan menayangkan iklan-iklan bertemakan sejarah dan perpaduan bagi mempromosikan keunikan masyarakat Malaysia.
  - ❖ Promosi yang lebih giat melalui platform media sosial mengenai sejarah dan perjuangan kemerdekaan

# ASPIRASI

# 1

## MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK



Memperkuuh Integrasi Nasional

Jurang pembangunan bukan sahaja wujud antara wilayah, malah juga wujud antara negeri. Integrasi antara etnik dan budaya yang berbeza juga amat penting untuk diberi perhatian.

**Anjakan Strategik 1:** Menyemai semangat toleransi untuk merapatkan jurang antara etnik

**Anjakan Strategik 2:** Merapatkan jurang sosial, ekonomi, digital dan pembangunan antara wilayah

**Anjakan Strategik 3:** Membina integrasi melalui aktiviti sosial termasuk budaya, muzik dan sukan serta penghasilan kandungan kreatif perpaduan (*creative content*)

## STRATEGI 3: MEMPERKUKUH INTEGRASI NASIONAL



### Anjakan Strategik 1:

Menyemai semangat toleransi untuk merapatkan jurang antara etnik

- Kepelbagaian etnik dan agama dalam masyarakat Malaysia juga memberi cabaran dalam memastikan keharmonian sentiasa terjaga. Malah di kalangan kumpulan etnik yang sama juga masih ada ruang wujudnya permasalahan yang perlu ditangani sebaik mungkin.
- Usaha memelihara keharmonian perlu dipergiatkan untuk melahirkan individu yang sentiasa bertoleransi dan menjaga nilai perhubungan agar dapat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.



### Anjakan Strategik 2:

Merapatkan jurang sosial, ekonomi, digital dan pembangunan antara wilayah

- Pengukuhan ekonomi semua etnik dan usaha merapatkan jurang perbezaan antara etnik perlu diberi perhatian kerana ia akan menyumbang kepada pencapaian perpaduan.
- Selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menetapkan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif di semua peringkat kumpulan pendapatan etnik dan wilayah.

## STRATEGI 3: MEMPERKUKUH INTEGRASI NASIONAL



### Anjakan Strategik 3:

Membina integrasi melalui aktiviti sosial termasuk budaya, muzik dan sukan serta penghasilan kandungan kreatif perpaduan (*creative content*)

- Aktiviti sosial merupakan platform terbaik untuk membina dan mengukuhkan integrasi di antara pelbagai etnik dan budaya merentasi wilayah. Penganjuran aktiviti-aktiviti sosial seperti kebudayaan, sukan dan muzik perlu dipergiatkan.
- Sukan dan kebudayaan merupakan medium perpaduan yang berkesan dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum. Penganjuran aktiviti sukan dan rekreasi di setiap komuniti akan menggalakkan percampuran dan komunikasi antara masyarakat berbilang etnik dan pelbagai peringkat umur.

- ❖ Melalui penghasilan seni muzik yang melambangkan kesepadan dan kebersamaan dalam kerencaman sosial di Malaysia.
- ❖ Lagu-lagu patriotik juga merupakan sebahagian daripada proses membentuk identiti nasional.
- ❖ Hasil kreativiti yang disebarluaskan melalui media sosial seperti Facebook dan YouTube yang memaparkan naratif perpaduan pelbagai etnik di Malaysia turut menjadi medium mengintegrasikan masyarakat serta merangsang semangat perpaduan.

# ASPIRASI



## MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL



Mengukuhkan Peranan  
Bahasa Sebagai Medium  
Integrasi

Bahasa kebangsaan merupakan aspek terpenting yang mampu menyimpulkan kukuh ikatan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun, dengan kemajmukan kaum dan kepelbagaian etnik yang kita miliki, setiap individu hendaklah sentiasa menghormati bahasa ibunda kaum-kaum yang lain.

**Anjakan Strategik 1:** Memberikan penekanan kepada penguasaan bahasa kebangsaan di semua peringkat pendidikan

**Anjakan Strategik 2:** Memperkasa penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi

**Anjakan Strategik 3:** Menggalakkan usaha mempelajari bahasa etnik tempatan yang berbeza bagi menggalakkan interaksi antara pelbagai etnik

## STRATEGI 4: MENGUKUHKAN PERANAN BAHASA SEBAGAI MEDIUM INTEGRASI



### Anjakan Strategik 1:

Memberikan penekanan kepada penguasaan bahasa kebangsaan di semua peringkat pendidikan

- Penguasaan bahasa kebangsaan yang baik wajar diberi penekanan sejak di peringkat awal kanak-kanak lagi sebelum memasuki peringkat pendidikan formal.
- Penekanan kepada penguasaan bahasa kebangsaan perlu diteruskan lagi di peringkat sekolah rendah dan menengah termasuklah sekolah jenis kebangsaan selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996 bagi memastikan murid menguasai bahasa kebangsaan dengan baik.



### Anjakan Strategik 2:

Memperkasa penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi

- Bahasa kebangsaan berperanan sebagai medium integrasi yang merapatkan hubungan antara pelbagai etnik di negara ini. Penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) yang menetapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan ia hendaklah digunakan bagi maksud rasmi hendaklah dilaksanakan dengan lebih giat. Penggunaan bahasa kebangsaan sebagai medium interaksi rasmi hendaklah dikuatkuasakan bukan sahaja oleh agensi kerajaan tetapi juga agensi swasta.

- ❖ Penterjemahan buku-buku ilmiah dari bahasa asing ke bahasa kebangsaan sebagai usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

## STRATEGI 4: MENGUKUHKAN PERANAN BAHASA SEBAGAI MEDIUM INTEGRASI



### Anjakan Strategik 3:

Menggalakkan usaha mempelajari bahasa etnik tempatan yang berbeza bagi menggalakkan interaksi antara pelbagai etnik

- Di samping penekanan terhadap penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, sistem pendidikan kebangsaan juga perlu menyediakan peluang kepada pelajar untuk mempelajari bahasa etnik lain untuk meningkatkan interaksi antara pelbagai etnik.
  - ❖ Penekanan kepada pembelajaran asas bahasa Mandarin dan Tamil di prasekolah, Sekolah Kebangsaan dan IPT sebagai subjek pilihan.

# ASPIRASI

# 2

## MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL



Mengukuhkan Kefahaman  
Agama, Budaya dan Adat  
Resam Pelbagai Etnik

Pemahaman dan penghayatan budaya dan adat resam pelbagai etnik wajar didedahkan dan dibentuk di peringkat sekolah. Institusi pendidikan memainkan peranan dalam menyediakan suasana yang kondusif dan menggalakkan percampuran dalam kalangan pelajar serta peranan para pendidik selaku agen perpaduan harus diberi penekanan.

**Anjakan Strategik 1:** Membina kefahaman terhadap kepelbagaian yang dimiliki

**Anjakan Strategik 2:** Memantapkan modul silang budaya

**Anjakan Strategik 3:** Memupuk keharmonian antara agama

## **STRATEGI 5: MENGUKUHKAN KEFAHAMAN AGAMA, BUDAYA DAN ADAT RESAM PELBAGAI ETNIK**

### **Anjakan Strategik 1:**

Membina kefahaman terhadap kepelbagaian yang dimiliki

- Masyarakat perlu saling berhubung, belajar tentang budaya etnik yang berbeza dan memahami agama lain supaya dapat berkomunikasi secara harmoni. Konsep ini memerlukan masyarakat saling mengenali, menghormati dan menerima kepelbagaian yang wujud.

### **Anjakan Strategik 2:**

Memantapkan modul silang budaya

- Pendedahan kepada kepelbagaian yang kita miliki samada kepelbagaian agama, bangsa, kaum, etnik, budaya dan adat resam perlu diberi seawal usia kaknak-kanak iaitu di peringkat prasekolah lagi dan perlu diteruskan sehingga ke ke peringkat IPT. Ini penting untuk kita dapat melahirkan individu yang memahami dan menghormati perbezaan yang wujud dan akhirnya akan mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai toleransi yang tinggi.

- ❖ Pemantapan Modul Silang Budaya yang telah diperkenalkan oleh KPN. Modul ini memberi penekanan kepada: pengenalan budaya, adat resam pelbagai kaum, kenegaraan serta moral dan sivik ; dan memberi pengetahuan mengenai masyarakat dan adat budaya etnik dari Sabah dan Sarawak.

## **STRATEGI 5: MENGUKUHKAN KEFAHAMAN AGAMA, BUDAYA DAN ADAT RESAM PELBAGAI ETNIK**

### **Anjakan Strategik 3: Memupuk keharmonian antara agama**

- Usaha memupuk keharmonian antara agama perlu diperbanyakkan termasuklah melalui aktiviti-aktiviti sosial seperti perjumpaan wakil-wakil agama, penglibatan dalam majlis keramaian tanpa mengira latar belakang agama. Usaha ini juga boleh dilaksanakan secara aktif dengan memanfaatkan teknologi untuk mempromosi budaya harmoni.
  - ❖ Jawatankuasa Keharmonian antara Penganut Agama (HARMONI) merupakan platform untuk memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling menghormati antara satu sama lain.

# ASPIRASI

## MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL



Membentuk Masyarakat  
Berkeperibadian Tinggi,  
Berintegriti dan  
Berakhhlak Mulia

Amalan nilai murni, pendidikan agama dan pendidikan sivik merupakan wahana bagi memupuk nilai dan kepercayaan teras yang digariskan dalam Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan; Kesetiaan kepada Raja dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-undang; serta Kesopanan dan Kesusilaan.

**Anjakan Strategik 1:** Menyemai peribadi mulia pada awal usia

**Anjakan Strategik 2:** Memupuk sifat hormat dalam masyarakat dan cinta akan negara

**Anjakan Strategik 3:** Menanam nilai integriti dalam masyarakat

**Anjakan Strategik 4:** Memperkuuh keharmonian kejiran dan komuniti dalam masyarakat

**Anjakan Strategik 5:** Menggalakkan penguasaan ilmu dalam bidang sains, teknologi dan maklumat

## STRATEGI 6: MEMBENTUK MASYARAKAT BERKEPERIBADIAN TINGGI, BERINTEGRITI DAN BERAKHLAK MULIA

### Anjakan Strategik 1: Menyemai peribadi mulia pada awal usia

- Usaha mengukuhkan perpaduan perlu bermula di rumah dan seawal pendidikan prasekolah. Ibu bapa dan guru bertanggungjawab sepenuhnya membentuk sikap anak-anak agar saling menerima perbezaan dan akhirnya membesar sebagai rakyat yang bertolak ansur, bertoleransi dan menghormati antara satu sama lain. Institusi sekolah juga haruslah menjadi medium yang kondusif untuk mewujudkan proses sosialisasi bagi anak-anak.
- Prioriti perlu diberikan terhadap amalan murni kerana ia berkait rapat dengan pelbagai faktor persekitaran budaya termasuklah ideologi, nilai keagamaan, budaya dan norma bagi setiap masyarakat.
- Guru perlu sentiasa menyebarkan informasi tentang kepelbagaian etnik, bahasa dan budaya di dalam kelas sebagai pendedahan kepada pelajar.

## STRATEGI 6: MEMBENTUK MASYARAKAT BERKEPERIBADIAN TINGGI, BERINTEGRITI DAN BERAKHLAK MULIA

### Anjakan Strategik 2:

Memupuk sifat hormat dalam masyarakat dan cinta akan negara

- Memupuk dan menanam semangat perpaduan dalam jiwa generasi muda yang merupakan pelapis kepimpinan negara. Ini perlu diusahakan dengan menggalakkan golongan muda mendekati masyarakat melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.
- Golongan muda perlu dibimbing dan didampingi serta sentiasa dipupuk dengan nilai murni dan semangat kekitaan yang tinggi. Matlamatnya adalah menanamkan rasa cinta dan setia kepada negara yang pada akhirnya akan melahirkan golongan muda dengan semangat patriotisme, nasionalisme dan jati diri tinggi.

## STRATEGI 6: MEMBENTUK MASYARAKAT BERKEPERIBADIAN TINGGI, BERINTEGRITI DAN BERAKHLAK MULIA

**Anjakan Strategik 3:** Menanam nilai integriti dalam masyarakat

- Meletakkan tanggungjawab bersama untuk memperkasa dan membudayakan amalan integriti sepetimana digariskan dalam Pelan Integriti Nasional. Inisiatif ini meliputi semua aspek kehidupan bagi memastikan negara sentiasa ditunjangi ahli masyarakat yang memiliki integriti diri yang tinggi, berdaya tahan dan mempunyai nilai-nilai murni sejagat.
- Pembudayaan integriti harus diterapkan dalam kehidupan seharian seawal usia kanak-kanak. Ibu bapa seharusnya memainkan peranan di rumah dalam mempamerkan sikap dan nilai murni yang boleh dicontohi anak-anak. Peranan guru juga amat penting untuk menerapkan nilai-nilai integriti dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pemimpin masyarakat dan ahli politik juga bertanggungjawab dalam usaha membentuk integriti kerana mereka yang menjadi contoh ikutan atau suri teladan kepada generasi masa kini.

- ❖ Pendidikan integriti perlu diperkemas dan dijadikan nilai penting dalam kurikulum pendidikan dengan memberi fokus kepada pembentukan peribadi yang mulia.

## **STRATEGI 6: MEMBENTUK MASYARAKAT BERKEPERIBADIAN TINGGI, BERINTEGRITI DAN BERAKHLAK MULIA**

### **Anjakan Strategik 4:**

Memperkuuh keharmonian kejiran dan komuniti dalam masyarakat

- Anggota masyarakat yang berkeperibadian tinggi menggambarkan masyarakat beradab yang memacu nilai-nilai kemasyarakatan dengan menerapkan prinsip-prinsip interaksi sosial yang harmoni dan kondusif.
- Usaha-usaha yang menjurus kepada peningkatan keupayaan modal insan menerusi penguasaan ilmu, pemupukan masyarakat berbudaya dan pemantapan aspek moral serta nilai-nilai murni yang tinggi perlu dipergiatkan.
- Komuniti berbudaya tinggi yang penuh dengan nilai-nilai murni dan mencapai tahap kesepaduan sosial yang baik perlu diwujudkan dengan menghasilkan model masyarakat yang berbudi bahasa, hormat-menghormati, bekerjasama dan berperanan aktif dalam komuniti.

## STRATEGI 6: MEMBENTUK MASYARAKAT BERKEPERIBADIAN TINGGI, BERINTEGRITI DAN BERAKHLAK MULIA



### Anjakan Strategik 5:

Menggalakkan penguasaan ilmu dalam bidang sains, teknologi dan maklumat

- Ciri-ciri masyarakat berkeperibadian tinggi adalah masyarakat yang beradab, menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan serta maju dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi.
- Pembudayaan sains perlu diberi perhatian bagi mewujudkan masyarakat berliterasi sains. Pengupayaan agenda literasi sains membolehkan masyarakat dibekalkan dengan pengetahuan asas sains bagi memahami pelbagai isu sekeliling. Namun pada masa yang sama masyarakat perlu dididik tentang kebaikan dan kelemahan teknologi dan sains serta cabarannya dalam kehidupan seharian.
- Penularan pandemik COVID-19 menjadikan masyarakat bergantung kepada teknologi dan sains termasuk dalam hal mengurus kehidupan peribadi, seperti pembelajaran dan perniagaan dalam talian (*e-learning* dan *e-commerce*).
- Mewujudkan kesedaran, kemahuan dan tindakan strategik secara bersama, terutama dalam kalangan pembuat dasar untuk terus memacu agenda sains negara.

# ASPIRASI

# 3

## MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN



Memantapkan  
Keberkesanan Komunikasi

Dua (2) aspek yang ditekankan di bawah strategi ini iaitu peranan pelbagai platform media sebagai alat kesedaran sosial dalam menyebarkan perkara positif untuk mengukuhkan perpaduan serta penggunaan platform media secara beretika.

**Anjakan Strategik 1:** Memantapkan keberkesanan komunikasi bagi meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat

**Anjakan Strategik 2:** Mengukuhkan komunikasi sebagai kunci perpaduan

**Anjakan Strategik 3:** Mendidik etika penggunaan media

**Anjakan Strategik 4:** Memperluas platform digital dalam usaha pengukuhan perpaduan

## STRATEGI 7: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN KOMUNIKASI

### Anjakan Strategik 1:

Memantapkan keberkesaan komunikasi bagi meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat

- Agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat civil perlu memainkan peranan masing-masing selaku agen perpaduan secara kreatif dan berkesan dengan mengambil manfaat media sosial sebagai medium penyebaran maklumat.
- Pelan komunikasi penghayatan dan pembudayaan perpaduan yang bersepadu perlu disediakan untuk membuat promosi dan hebahan ke atas program-program perpaduan dan kenegaraan yang dianjurkan. Pelaksanaan pelan komunikasi ini adalah menerusi kaedah promosi dan hebahan ke atas program-program kenegaraan melalui platform media cetak dan elektronik.

- ❖ Kempen kesedaran, penulisan, iklan dan filem pendek serta dokumentari yang menimbulkan perasaan positif (*feel-good factor*) serta berunsurkan perpaduan.

## STRATEGI 7: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN KOMUNIKASI

Anjakan Strategik 2: Mengukuhkan komunikasi sebagai perpaduan kunci

- Komunikasi merupakan medium penting yang akan memastikan seluruh masyarakat memahami, menghayati, menyokong dan melibatkan diri dalam pelaksanaan pelan strategi yang dirangka. Penekanan perlu diberikan kepada kepentingan komunikasi antara masyarakat secara positif bagi mengelakkan salah faham yang boleh membawa kepada ketidakharmonian dalam masyarakat di samping mampu menangani penyebaran berita tidak benar.
  - ❖ Medium digital dan platform media sosial digunakan secara efektif dalam penyampaian maklumat tepat dan secara *real-time*.

## STRATEGI 7: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN KOMUNIKASI

### Anjakan Strategik 3: Mendidik etika penggunaan media

- Tindakan bagi mengekang isu-isu perkauman dan agama melalui media sosial perlu dilaksanakan untuk memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- Masyarakat perlu dididik untuk memahami dan menghormati undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dalam penggunaan media. Pemantauan yang berterusan penting bagi memastikan tidak berlakunya perlanggaran dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
  - ❖ Inisiatif secara berterusan menerusi pelbagai medium dalam mendidik nilai-nilai murni dan etika penggunaan platform media sosial supaya bebas daripada unsur negatif.
  - ❖ Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran tentang etika penggunaan laman sosial kepada anak-anak.

## STRATEGI 7: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN KOMUNIKASI

### Anjakan Strategik 4:

Memperluas platform digital dalam usaha pengukuhan perpaduan

- Penggunaan aplikasi digital sebagai platform mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui penggunaan media seperti blog, laman sesawang, forum siber, YouTube, dan pelbagai lagi media sosial telah memperluaskan ruang bersuara sekaligus meningkatkan penglibatan, sosialisasi dan demokrasi dalam kalangan masyarakat serta menjadikan masyarakat lebih berpengetahuan dan matang.
  - ❖ Menggalakkan penggunaan platform digital sebagai wadah penyebaran maklumat bagi mewujudkan interaksi, wacana, perbincangan yang sihat, rasional , menghormati tatasusila dan undang-undang.
  - ❖ Penghasilan lebih banyak video pendek atau iklan yang mempromosikan perpaduan.

# ASPIRASI

# 3

## MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN



### Mengukuhkan Tapak Integrasi Perpaduan

Tapak integrasi adalah mekanisme yang digunakan dalam usaha penyatupaduan masyarakat. Ianya melibatkan ruang abstrak dan fizikal yang berupaya untuk menemukan pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha untuk mencari penyelesaian. Bagi setiap isu dan cabaran, ianya melibatkan proses tawar menawar, perundingan dan mediasi.

**Anjakan Strategik 1:** Mempelbagaikan platform perpaduan

**Anjakan Strategik 2:** Memperkasa fungsi mediasi sosial

**Anjakan Strategik 3:** Mengukuhkan institusi pendidikan sebagai medium integrasi nasional

**Anjakan Strategik 4:** Mempelbagaikan fasiliti sosial bagi tujuan aktiviti kemasyarakatan

**Anjakan Strategik 5:** Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan

## STRATEGI 8: MENGUKUH TAPAK INTEGRASI PERPADUAN

### Anjakan Strategik 1: Mempelbagaikan platform perpaduan

- Usaha-usaha menyediakan tapak integrasi untuk memupuk, mempromosi dan menyemarak semangat perpaduan tidak hanya terhad kepada penyediaan ruang-ruang fizikal sahaja. Perkembangan pesat teknologi dan akses yang meluas kepada capaian internet misalnya, telah menyediakan ruang yang lebih luas, cepat dan mudah untuk dimanfaatkan.

### Anjakan Strategik 2: Memperkasa fungsi mediasi sosial

- Perkhidmatan Mediator Komuniti dan Mediator Agama yang menyediakan pengantara dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan dalam kalangan anggota masyarakat perlu diperkujuh. Mekanisme bukan kehakiman ini perlu diperluaskan agar lebih ramai anggota masyarakat mempunyai akses terhadap perkhidmatan yang disediakan.

## STRATEGI 8: MENGUKUH TAPAK INTEGRASI PERPADUAN

### Anjakan Strategik 3:

Mengukuhkan institusi pendidikan sebagai medium integrasi nasional

- Kepelbagaiannya penduduk di negara ini menuntut supaya sistem pendidikan negara memainkan peranan aktif bagi membolehkan generasi muda mempelajari dan menimba pengetahuan tentang diri dan komuniti yang terdiri daripada pelbagai etnik. Ke arah itu, usaha-usaha berterusan hendaklah dibuat bagi menyediakan ruang dan meningkatkan keupayaan institusi pendidikan menganjurkan program yang lebih tersusun..
  - ❖ Pengintegrasian melalui pelaksanaan program kolaborasi secara bersama melibatkan golongan pelajar, tenaga pengajar dan ibu bapa. Penganjuran program dan aktiviti sekolah perlu dilaksanakan secara bersama melibatkan pelajar dari sekolah berlainan supaya mereka dapat berhubung dan saling bekerjasama.
  - ❖ Sekolah Kebangsaan bekerjasama menganjurkan acara sukaneka secara bersama dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dalam satu komuniti yang sama.

## STRATEGI 8: MENGUKUH TAPAK INTEGRASI PERPADUAN

### Anjakan Strategik 4:

Mempelbagaikan fasiliti sosial bagi tujuan aktiviti kemasyarakatan

- Fasiliti sosial seperti dewan orang ramai, balai raya, taman-taman permainan, pusat kejiranan bukan hanya menjadi tempat untuk aktiviti sosial dan kemasyarakatan, tetapi turut secara tidak langsung menyediakan ruang memupuk semangat muhibbah dan membina hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.
- Konsep Sekolah Wawasan misalnya telah menyediakan ruang dan peluang untuk murid-murid pelbagai kaum berinteraksi secara langsung kerana mereka berkongsi kantin, padang permainan, dewan dan kemudahan lain di sekolah. Mereka berpeluang untuk saling mengenali dan memahami antara satu sama lain. Dengan itu, mereka akan membesar dengan sikap toleransi dan hormat terhadap budaya dan agama kaum yang berbeza. Sekolah Wawasan mampu memupuk persefahaman kaum dan seterusnya mempercepat integrasi nasional.

- ❖ Pusat Komuniti dan Pusat Aktiviti Perpaduan yang disediakan untuk masyarakat bukan sahaja melahirkan insan yang aktif dan sihat malah merapatkan hubungan serta memupuk silaturrahim sesama penduduk.

## STRATEGI 8: MENGUKUH TAPAK INTEGRASI PERPADUAN

### Anjakan Strategik 5:

Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan

- Semangat kesukarelawan perlu dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat. Semangat ini mampu melahirkan rakyat yang cintakan negara, saling menghormati, prihatin dan bertoleransi.

- ❖ Aktiviti yang menggabungkan penyertaan masyarakat semua kaum tanpa mengira latar belakang keturunan dan agama wajar diperbanyakkan. Setiap komuniti digalakkan untuk mengadakan aktiviti gotong-royong, kenduri kendara, sambutan majlis perayaan secara bersama dan aktiviti kunjung-mengunjung dalam komuniti yang sama melibatkan pelbagai etnik.

# ASPIRASI

# 3

## MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN



Memperkasa Jentera  
Perpaduan Melalui  
Kerjasama Strategik

Kerjasama strategik dan kreatif antara agensi kerajaan di peringkat akar umbi bersama sektor swasta dan NGO serta masyarakat sivil perlu dipertingkatkan agar kepakaran semua pihak dapat digunakan sepenuhnya melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti setempat.

**Anjakan Strategik 1:** Mempergiat penglibatan pelbagai pihak sebagai 'Rakan Perpaduan'

**Anjakan Strategik 2:** Memperkasa kepimpinan komuniti melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

**Anjakan Strategik 3:** Memperkasa peranan Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Kelab Rukun Negara (KRN)

## STRATEGI 9: MEMPERKASA JENTERA PERPADUAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

**Anjakan Strategik 1:** Mempergiat penglibatan pelbagai pihak sebagai 'Rakan Perpaduan'

- Usaha menjayakan agenda perpaduan nasional bukanlah peranan pihak Kerajaan semata-mata, tetapi usaha ini menuntut peranan aktif turut dimainkan oleh pihak-pihak lain terutamanya NGO dan pihak swasta. Sebagai rakan perpaduan, mereka boleh memberi sumbangan signifikan dalam menyemarakkan usaha-usaha untuk menjayakan agenda perpaduan ini.
  - ❖ Penganjuran program perpaduan oleh pihak NGO atau program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak swasta yang meliputi bidang keutamaan Perpaduan Nasional seperti; Pendidikan Masyarakat; Cintakan Perpaduan; Pemeliharaan; Pengekalan dan Peningkatan Hubungan Kaum; Promosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama; Pembudayaan Perpaduan; Pemerksaan Khidmat Komuniti; Pemupukan Semangat Patriotisme; Silang Budaya; Integrasi Nasional; dan Keselamatan dan Keharmonian Komuniti.

## STRATEGI 9: MEMPERKASA JENTERA PERPADUAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

### Anjakan Strategik 2:

Memperkasa kepimpinan komuniti melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

- Memperkasa kepimpinan komuniti berdasarkan konsep kejiranan yang termaktub di bawah Akta Rukun Tetangga 2012. KRT memberi penekanan kepada aspek kejiranan dan semangat komuniti, rasa kesepuhaan, kualiti hidup bermasyarakat dan penglibatan komuniti.
- Perluasan penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai jentera perpaduan di setiap kawasan kediaman/perumahan selari dengan urbanisasi bagi memastikan KRT dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan.
- Pemerkasaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang merupakan organisasi sukarelawan keselamatan komuniti di bawah KRT. Kawasan yang selamat dan kondusif serta kesedaran dan keprihatinan penduduk kawasan kejiranan terhadap usaha membanteras segala bentuk jenayah dan salah laku merupakan satu usaha yang perlu diberi keutamaan kerana ia menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

- ❖ Penganjuran aktiviti-aktiviti kemasyarakatan oleh KRT berteraskan Agenda Gerak Kerja KRT bersama Rakan Strategik Perpaduan.
- ❖ Pemerkasaan KRT melalui kaedah penilaian *Star Rating* bagi menilai keaktifan KRT. Insentif diberi berdasarkan tahap pencapaian bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan KRT di samping menggalakkan penyertaan komuniti dari pelbagai kaum, gender dan peringkat usia dalam aktiviti kesukarelawanan.

## STRATEGI 9: MEMPERKASA JENTERA PERPADUAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

### Anjakan Strategik 3:

Memperkasa peranan Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Kelab Rukun Negara (KRN)

- Kerjasama bersepadu dengan KPM dan KPT dipergiatkan dalam usaha penerapan penghayatan Rukun Negara di sekolah melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan di IPT melalui penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN).
- Sehingga kini terdapat 6,843 KRN dengan pecahan sebanyak 4,412 di sekolah rendah dan 2,431 di sekolah menengah. Manakala sebanyak 176 SRN telah ditubuhkan di IPT seluruh negara termasuk politeknik, kolej matrikulasi, kolej komuniti dan institusi perguruan. Usaha memperluaskan lagi penubuhan KRN dan SRN sebagai jentera perpaduan perlu dilaksanakan bagi memastikan pendidikan dan penghayatan Rukun Negara yang lebih menyeluruh.

- ❖ Penilaian dan pengiktirafan berdasarkan sistem *Star Rating* ke atas KRN dan SRN boleh dilaksanakan bagi menilai tahap keaktifan dan memberi pengiktirafan serta menggalakkan lagi penyertaan pelajar dan mahasiswa.

# ASPIRASI

# 3

## MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN



### Memantapkan Peranan Institusi Keluarga dan Komuniti

- ☒ Institusi keluarga dan komuniti amat penting dalam pembentukan sahsiah individu kerana ia merupakan unit asas pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, maju dan mampan.
- ☒ Oleh itu, institusi keluarga dan komuniti perlu dimantapkan bagi memastikan potensi setiap individu dapat dicapai sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan keluarga serta kemantapan komuniti.

**Anjakan Strategik 1:** Mengukuhkan institusi kekeluargaan sebagai unit asas masyarakat

**Anjakan Strategik 2:** Meningkatkan peranan institusi keluarga dalam membudayakan perpaduan

**Anjakan Strategik 3:** Meningkatkan interaksi antara generasi

## STRATEGI 10: PEMANTAPAN PERANAN INSTITUSI KELUARGA DAN KOMUNITI

### Anjakan Strategik 1:

Mengukuhkan institusi kekeluargaan sebagai unit asas masyarakat

- Keluarga yang sihat dan komuniti yang sejahtera mencerminkan masyarakat yang makmur dan harmoni dalam segenap aspek.
- Dalam mendepani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh keluarga masa kini, sistem sokongan keluarga perlu dimantapkan melalui pelbagai inisiatif yang turut melibatkan sokongan komuniti seperti masyarakat sivil, pertubuhan keagamaan dan persatuan penduduk bagi membentuk masyarakat yang prihatin dan harmoni.

### Anjakan Strategik 2:

Meningkatkan peranan institusi keluarga dalam membudayakan perpaduan

- Ibu bapa perlu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan ahli keluarganya sebagai satu perkara yang paling asas. Pendidikan dan asuhan yang baik bermula dari contoh teladan yang ditunjukkan dalam kalangan ahli keluarga. Maka adalah penting diterapkan nilai murni seperti sikap menghormati, kasih sayang serta menggalakkan anak-anak bergaul dengan rakan daripada pelbagai kaum.
- Elemen-elemen seperti sokongan, kasih sayang dan perhatian oleh keluarga penting ke arah pembentukan keperibadian dan kesejahteraan individu.

## STRATEGI 10: PEMANTAPAN PERANAN INSTITUSI KELUARGA DAN KOMUNITI

### Anjakan Strategik 3: Meningkatkan interaksi antara generasi

- Usaha untuk merapatkan jurang generasi perlu bermula dalam keluarga. Ibu bapa perlu memahami bahawa persekitaran sudah berubah dan pendekatan komunikasi serta mendidik perlu selaras dengan keadaan semasa. Melalui pendekatan yang efektif dapat menerapkan nilai-nilai murni sepunya yang menjadi asas sepanjang zaman seperti integriti, disiplin, menghormati sesama manusia serta empati.
- Merapatkan jurang persefahaman antara generasi muda dan generasi terdahulu supaya dapat bekerjasama untuk membentuk masyarakat yang harmoni.
- Komunikasi yang sejajar dan mesra terutamanya secara bersemuka perlu digalakkan. Mempertemukan kedua-dua generasi dalam pelbagai aktiviti bersama akan merapatkan jurang antara generasi.
  - ❖ Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu perpaduan antara generasi melalui seminar, konferens, penulisan dan filem.

# ASPIRASI

# 3

## MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN



Meningkatkan Penguatkuasaan  
Undang-Undang Serta  
Keberkesanan Mekanisme  
Pemantauan

Pentadbiran negara adalah berlandaskan prinsip kedaulatan undang-undang yang menjamin hak kebebasan rakyat sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Anjakan Strategik 1:** Memperkasa mekanisme dan tadbir urus perpaduan negara

**Anjakan Strategik 2:** Memastikan undang-undang dikuatkuasakan secara adil

**Anjakan Strategik 3:** Memantapkan mekanisme pemantauan tahap perpaduan negara

## STRATEGI 11: PEMANTAUAN PERPADUAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

### Anjakan Strategik 1:

Memperkasa mekanisme dan tadbir urus perpaduan negara

- Mengukuhkan mekanisme pelaksanaan pemantauan perpaduan dengan mewujudkan tadbir urus perpaduan yang berstruktur dan tersusun melibatkan pelbagai peringkat hingga ke akar umbi.

### Anjakan Strategik 2:

Memastikan undang-undang dikuatkuasakan secara adil

- Tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara saksama kepada semua pihak. Di bawah undang-undang sedia ada, mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa.
- Perasaan hormat dan cintakan negara perlu dipupuk dan dikongsi bersama melalui peningkatan kesedaran ke atas perundangan.

## STRATEGI 11: PEMANTAUAN PERPADUAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

### Anjakan Strategik 3:

Memantapkan mekanisme pemantauan tahap perpaduan negara

- Mekanisme pemantauan tahap perpaduan negara boleh diperkuuhkan dengan mengadaptasi pelbagai teknologi terkini seperti *Big Data Analytics* dan automasi. Keberkesanan pelaksanaan sesuatu program/ aktiviti dapat dikawal selia secara *real time* dan analisis serta tinjauan masa hadapan (*foresighting*) boleh dilaksanakan bagi menambah baik pelaksanaan tersebut.

# ASPIRASI

# 3

## MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN



### Memperkuuh Peranan Pemimpin Sebagai Pemangkin Perpaduan

- Pentadbiran dan pucuk kepimpinan negara seharusnya menjadi contoh teladan terbaik kepada rakyat, khususnya dengan memainkan peranan sebagai pemangkin perpaduan.
- Pemimpin di semua peringkat sama ada persekutuan, negeri, daerah dan akar umbi perlu mengutamakan perpaduan masyarakat di bawah kuasa masing-masing dalam usaha membangunkan Malaysia sebagai negara bersatu, makmur dan bermaruah. Selaras dengan prinsip ini, amalan politik yang berdasarkan perkauman secara umumnya perlu dielakkan.

**Anjakan Strategik 1:** Memperkasa peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan

**Anjakan Strategik 2:** Memperkasa peranan Parlimen dalam menjayakan agenda perpaduan

## STRATEGI 12: MEMPERKUKUH PERANAN PEMIMPIN SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

### Anjakan Strategik 1:

Memperkasa peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan

- Pemimpin di semua peringkat memainkan peranan penting sebagai agen perpaduan dengan menunjukkan contoh teladan dalam memaparkan sifat harmoni dan semangat perpaduan yang erat.
  - Pemimpin komuniti haruslah mempunyai kesedaran untuk menyumbang kepada komuniti dan memastikan perpaduan dalam komuniti sentiasa utuh. Pemimpin juga perlu sentiasa peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam dan juga di sekitar komuniti agar sebarang perkara yang dapat mengganggu-gugat perpaduan dapat ditangani dengan cepat dan berkesan.
- 
- ❖ Pengiktirafan sebagai ikon perpaduan kepada individu, institusi atau pihak-pihak yang telah memberi sumbangan besar dalam membantu menjayakan agenda perpaduan. Penerima anugerah dipilih berdasarkan sumbangan dan pencapaian usaha menyatupadukan masyarakat dan membentuk jalinan yang harmoni. Ikon Perpaduan ini akan menjadi penggerak dan bertindak selaku agen yang mempromosi perpaduan kepada masyarakat pelbagai etnik.

## STRATEGI 12: MEMPERKUKUH PERANAN PEMIMPIN SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN



### Anjakan Strategik 2:

Memperkasa peranan Parlimen dalam menjayakan agenda perpaduan

- Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang mana institusi ini terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Parlimen bertindak sebagai badan yang mempertahankan kepentingan rakyat dan menjunjung nilai-nilai demokrasi negara.
- Ahli-ahli Parlimen perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha menyemai dan mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat. Bukan sahaja menunaikan tanggungjawab di kawasan yang diwakili, lebih penting mereka juga harus menjadi contoh terbaik kepada rakyat dalam memupuk perpaduan.

# FASA ANJAKAN STRATEGIK KE ARAH PERPADUAN NASIONAL

3

# FASA ANJAKAN STRATEGIK KE ARAH PERPADUAN NASIONAL

FASA  
1

MENYEDIAKAN EKOSISTEM UNTUK MEMBUDAYAKAN PERPADUAN DALAM AMALAN SEHARIAN (2021-2025)

1

Meningkatkan Pemahaman Perpaduan (Faham)

2

Mengukuhkan Penghayatan Nilai Murni (Hormat dan Toleransi)

3

Menyediakan Tapak Integrasi (Asas Kesepaduan Sosial)

MEMBINA IDENTITI NASIONAL YANG MAMPAH (2026-2030)

FASA  
2

Amalan dan Pembudayaan Perpaduan (Perpaduan Amalan Seharian)

Mengekalkan Perpaduan (Perpaduan Mampan)

Penguatkuasaan Undang-Undang dan Pemantauan Berterusan (Mengekang dan Memantau)

# **SASARAN *OUTCOME* DAN IMPAK NASIONAL**

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ini menetapkan tiga (3) sasaran *outcome* yang telah dikenal pasti dan impak yang diimpikan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaannya seperti berikut:



# 5. PENUTUP

Agenda perpaduan adalah agenda bersama seluruh rakyat Malaysia. Kejayaan agenda ini bergantung kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua pihak dalam ruangan masing-masing. Justeru, dalam memastikan kejayaan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ini, kerjasama erat antara semua pihak termasuklah agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan masyarakat secara keseluruhannya adalah amat penting. Pencapaian aspirasi yang dihasratkan melalui strategi dan anjakan strategik yang digariskan di bawah Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ini memerlukan struktur tadbir urus yang efektif dan efisien di semua peringkat hingga ke akar umbi. Tadbir urus yang mantap akan dapat merancang dan menyelaras tindakan pelaksanaan dengan lebih tersusun dan memastikan rakyat di akar umbi khususnya memahami dan merasai impak ke atas pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan. Pencapaian *outcome* Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ini kelak akan dapat menentukan tahap keharmonian dan perpaduan negara untuk tempoh 10 tahun akan datang dan tahun-tahun berikutnya.

# #perpaduan #suatukebiasaan



perpaduannegara



PerpaduanNegara



@PerpaduanNegara



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,  
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,  
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000

Emel: pro@perpaduan.gov.my